

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 18 JUN 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1122-L8877
Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan adakah Kementerian berpuas hati dengan kejayaan pelaksanaan projek-projek berkenaan.
2. PR-1122-L9686
Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat memastikan kuasa membeli (purchasing power) kakitangan Kerajaan dan rakyat jelata lain dapat dikekalkan atau dipertingkatkan berikutan pengumuman kenaikan gaji mereka dalam keadaan kecenderungan (trend) kenaikan harga barangan seperti tepung gandum dan lain-lain lagi.
3. PR-1122-L9306
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa yang telah dilakukan untuk memperbaiki reputasi antarabangsa Malaysia sebagai sebuah negara model pelbagai agama berikutan pembatalan minit terakhir Persidangan Bina Jambatan Antara Agama Islam-Kristian pada awal bulan Mei.
4. PR-1122-L8851
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah jenis pengiktirafan diberi kepada Raja Muda Johor yang mencipta sejarah menjadi warganegara asing pertama mengetuai perarakan Hari Republik India pada Januari 2007 selain daripada menjadi superstar dalam sukan polo yang di anugerah 'most valuable polo player' di India. Apakah kriteria pengiktirafan seseorang tokoh yang boleh menjadi role model kepada golongan muda yang lain.

5. PR-1122-L9579
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan sebenarnya Kerajaan menubuhkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Company (GLC)).
6. PR-1122-L9274
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC dalam membantu membangunkan negara-negara miskin. Jika ada, senaraikan projek yang dilaksanakan, jumlah peruntukan dan negara yang terlibat.
7. PR-1122-L9054
Datuk Haji Mohd. Razali Bin Che Mamat [Kuala Krai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha atau perubahan terbaru yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk menaik taraf Institut Pendidikan Guru di negara ini.
8. PR-1122-L9743
Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang telah diwujudkan untuk mengimplementasikan proses pencapaian ekuiti 3% masyarakat India dalam RMK-9. Bolehkah Kerajaan memperuntukkan dana pelaburan khas dengan diskaun diperuntukkan untuk masyarakat India dalam merealisasikan matlamat di atas.
9. PR-1122-L9511
Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pokok-pokok kayu besar yang berada di sekitar bandar raya dipotong dengan sewenang-wenangnya untuk memberi ruang kepada pembangunan baru seperti projek jalan raya dan pembinaan bangunan.
10. PR-1122-L8802
Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah syarat-syarat untuk membolehkan sesebuah Hospital dijadikan 'teaching' Hospital seperti PPUM dan HUKM.
11. PR-1122-L9716
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menghalang Maxis Communication Berhad dijual kepada kepentingan luar negara terutama dari Singapura setelah di milikperibadikan.

12. PR-1122-L9383
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa jumlah pengambilan pelajar Melayu berkurangan di Kolej dan Universiti Tun Abdul Razak serta kolej-kolej swasta yang lain setiap tahun.
13. PR-1122-L8742
Dato' Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah doktor yang telah berhijrah sebelum selesai menamatkan perjanjian kontrak kerja dengan Kerajaan. Apakah sebab boleh berlaku kejadian tersebut.
14. PR-1122-L9328
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan visa dan bilangan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian serta sebabnya.
15. PR-1122-L8485
Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) mengapa industri perladangan khususnya Kelapa Sawit di Sabah menghadapi masalah bekalan buruh asing dari Indonesia, sedangkan sejak zaman British Sabah merupakan syurga rezeki bagi buruh asing dari Indonesia; dan
 - (b) apakah langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan masalah dalam Industri Perladangan di Sabah yang memang bergantung sangat kepada bekalan buruh asing dari Indonesia.
16. PR-1122-L8758
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang didapati mempunyai kewarganegaraan yang selain daripada Malaysia dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.
17. PR-1122-L8672
Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Radio Televisyen Malaysia (RTM) bercadang mempunyai saluran ketiganya sebagai penambahan pilihan maklumat dan hiburan kepada rakyat negara ini.

18. PR-1122-L9164
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dan jenis aduan terhadap hospital awam dan swasta masing-masing setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2007. Adakah Kementerian berhasrat mewujudkan suatu mekanisme bebas untuk menjalankan siasatan ke atas aduan jenis ini termasuk kecuaian perubatan.
19. PR-1122-L9445
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah keluasan tanah sawah dalam kawasan MADA dan luar MADA yang ditukar syarat menjadi projek perumahan atau perindustrian.
20. PR-1122-L9026
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah sekolah rendah di seluruh negara yang tidak mempunyai guru beropsyen Bahasa Inggeris mengikut negeri dan apakah kriteria pemantauan program-program bacaan seperti NILAM dan SEMAI untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris murid.
21. PR-1122-L8734
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan merombak kandungan PWD203 kerana sekarang kerap berlaku kelewatan kontraktor membaiki kerosakan di bawah tanggungan kerosakan ke atas projek yang mereka laksanakan.
22. PR-1122-L9117
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan yang diambil selepas penyemakan atas buku May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969.
23. PR-1122-L9003
Datuk Dr. Rahman Bin Ismail [Gombak] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia dan OIC di dalam meredakan konflik Palestin dan Israel yang kembali bergolak.
24. PR-1122-L8568
Dato' Mohd Zaid Bin Ibrahim [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes mahkamah syariah yang tertunggak di mahkamah syariah berdasarkan statistik mengikut negeri-negeri di seluruh Malaysia.

25. PR-1122-L9430
Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalen Chepa] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana kepanasan global dijangka akan mengancam Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor (WPI) pada masa depan.
26. PR-1122-L9102
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nilai, skop kerja dan kontraktor yang menyenggara dan membaik pulih bangunan Parlimen. Jelaskan kontrak kerja pembinaan penyenggaraan dan pembaikpulihan bangunan Kerajaan di dalam dan di luar negara yang diperolehi oleh kontraktor itu.
27. PR-1122-L9223
Datuk Ismail Bin Abd. Motalib [Maran] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes jenayah termasuk kes bunuh yang melibatkan pendatang asing di seluruh negara dalam tahun 2005 dan 2006 dan apakah kadar jenayah yang melibatkan kumpulan ini menunjukkan peningkatan dalam tahun 2007.
28. PR-1122-L8790
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana pengawalan terhadap pengamal media Internet yang dilaksanakan oleh Kerajaan berikutan penyebaran pelbagai berita dan maklumat negatif, khabar angin atau dakyah.
29. PR-1122-L9723
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membayar pampasan kepada semua pemilik tanah yang tanahnya telah diambil balik oleh Kerajaan untuk projek pembesaran Lapangan Terbang Kuching.
30. PR-1122-L8473
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang rancangan baru untuk membersihkan sungai-sungai seluruh negara dan apakah butir-butir tentang projek ini dan bagaimana rancangan ini dapat dipantau.
31. PR-1122-L9167
Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peratusan pekerja asing yang bekerja di semua bidang berbanding dengan warga tempatan. Apa pelan kontingensi untuk pekerja asing sekiranya terputus sumber pembekal (negara) oleh kerana situasi yang tidak dapat dikawal seperti perang atau bencana alam.

32. PR-1122-L8592
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menyekat masalah sosial dan kacau ganggu dibawa oleh pekerja-pekerja asing yang tinggal bersama penduduk-penduduk tempatan di rumah pangsa. Mengapa asrama pekerja-pekerja kilang ini tidak diasingkan dari tempat kediaman penduduk tempatan.
33. PR-1122-L8930
Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah masalah yang dihadapi apabila Sime Darby, Golden Hope dan Guthrie digabungkan. Bolehkah Tan Sri Mohd Nor Yusof, Pengerusi Jawatankuasa Integrasi Gabungan (Merger Integration Committee) dapat meredakan ketiga-tiga CEO yang bersaing untuk menjadi CEO Synergy Drive.
34. PR-1122-L8625
Dato' Dr Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memperluaskan lagi skop Industri kecil yang berasaskan pertanian selain daripada industri penghasilan kuih-kuih tradisional.
35. PR-1122-L8772
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek lebuhraya expressway Jalan Sultan Ismail ke Bulatan Kampung Pandan, Kuala Lumpur boleh disiapkan dan kos pembinaan yang terlibat.
36. PR-1122-L8567
Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan bersandarkan apa-apa teori sosiologi untuk memupuk perpaduan negara, misalnya pendekatan asimilasi, integrasi atau periuk pencair (melting-pot); dan
 - (b) tahap kejayaan perpaduan negara setakat ini.
37. PR-1122-L9759
Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan pembakaran mercun (fire crackers) di tempat-tempat yang dikenal pasti semasa Perayaan Tahun Baru Cina dan Perayaan Hari Raya Aidilfitri.

38. PR-1122-L9668
Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat swasta memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya (Corporate Social Responsibility) dalam menangani masalah pengangguran di kalangan graduan dalam negara ini.
39. PR-1122-L8636
Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh institusi pentadbiran Kerajaan untuk mengkaji semula sistem pengambilan kakitangan perkhidmatan awam bagi mencerminkan komposisi kaum di Malaysia.
40. PR-1122-L9501
Tuan Haji Abdul Fatah Bin Haji Harun [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dari segi jumlah kakitangan, pelajar serta nyatakan juga sejauh mana perkembangan pembinaan kampus induk universiti tersebut.
41. PR-1122-L9073
Datuk Rosli Bin Mat Hasan [Dungun] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah yang diambil mereka terhadap Syarikat Astro yang bertindak menaikkan yuran langganan tanpa memikirkan sensitiviti penduduk/pengguna.
42. PR-1122-L9395
Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana pihak polis boleh bekerjasama dengan persatuan-persatuan dalam membasmi jenayah-jenayah kecil yang semakin berleluasa di kawasan-kawasan perumahan.
43. PR-1122-L8871
Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa berlaku pertindihan matlamat antara agensi LKIM dengan Jabatan Perikanan dalam usaha meningkatkan pendapatan nelayan yang mana LKIM ditugaskan memberi bot-bot fiber dan enjin sangkut kepada nelayan pantai tetapi Jabatan Perikanan agak sukar untuk meluluskan lesen bot kepada nelayan-nelayan berkenaan yang menyebabkan mereka dinafikan hak untuk mendapat subsidi minyak petrol.
44. PR-1122-L8969
Tuan Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada Kementerian menyediakan peruntukan bagi Pulau Sipadan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di pulau tersebut memandangkan ianya merupakan salah satu tempat percutian terkemuka di dunia.

45. PR-1122-L8476
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah Pengerusi JKKK dan Ketua Kampung di Sabah yang menerima kenaikan gaji bagi tahun 2006-2007; dan
 - (b) berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi maksud ini.
46. PR-1122-L8886
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan nilai ringgit semakin meningkat selepas pemansuhan kadar tukaran tetap ringgit berbanding dolar AS, apakah kebaikan dan keburukan yang dibawa kepada perkembangan ekonomi negara kita.
47. PR-1122-L9024
Dato' Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia selaku pengerusi OIC di dalam membantu krisis dan pergolakan yang terjadi di Lebanon dan Pakistan.
48. PR-1122-L9710
Dato' Mohd Sarit Bin Haji Yusoh [Temerloh] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan memandangkan Dewan Rakyat baru sahaja meluluskan Rang Undang-undang Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2006, apakah tindakan Kerajaan terhadap pertubuhan belia yang menggugurkan perkataan belia pada nama organisasinya, tetapi terus juga menjalankan aktiviti-aktiviti belia.
49. PR-1122-L9296
Dato' Wan Adnan Bin Wan Mamat [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak kursus-kursus keusahawanan yang telah dianjurkan oleh Syarikat-syarikat GLCs bagi membantu usahawan-usahawan Bumiputera dalam memajukan perniagaan mereka.
50. PR-1122-L8654
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kesannya selepas Singapura mengiktiraf Ijazah Perubatan UM dan UKM dan berapakah bilangan doktor siswazah UKM dan UM telah berkhidmat di Singapura selepas pengiktirafan ijazah tersebut.

51. PR-1122-L9263
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk persefahaman di antara penganut agama yang berlainan di negara kita. Mengapakah YAB. Perdana Menteri membatalkan Building Bridges Conference yang sepatutnya diadakan dalam bulan Mei 2007 iaitu dua minggu selepas persidangan tersebut.
52. PR-1122-L9646
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan sukan pelancongan sebagai suatu kegiatan yang boleh menjana ekonomi negara dan adakah pelan menuju ke arah itu.
53. PR-1122-L9438
Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan anggota polis dalam menyelesaikan kes-kes jenayah melalui penggunaan CCTV dan juga program Rakan Cop sejak dilaksanakan.
54. PR-1122-L9638
Tuan Mohd. Yusop Bin Majid [Setiu] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan usaha bagi menarik lebih ramai pelancong asing ke Terengganu dan sejauh mana Kerajaan telah berjaya meningkatkan golongan bumiputera agar turut terlibat dalam industri pelancongan.
55. PR-1122-L9760
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian pernah membuat bancian mengenai jumlah peniaga Melayu/Bumiputera di Kompleks perniagaan terkenal seperti di KLCC dan Mid Valley; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang menggubal dasar supaya peraturan tertentu di lot-lot kompleks perniagaan terkenal dan strategik di sesuatu kawasan dikhaskan kepada peniaga Melayu/Bumiputera.
56. PR-1122-L8700
Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejajar dengan penekanan Kerajaan dalam pembangunan industri akuakultur di bawah RMK-9 adakah Kerajaan bercadang untuk bekerjasama dengan negara-negara lain yang telah berjaya dalam industri ini untuk mempercepatkan pembangunan industri ini di Malaysia memandangkan negara ini mempunyai banyak kawasan persisiran pantai yang berpotensi untuk penternakan akuakultur.

57. PR-1122-L9237
Datuk Haji Mat Yasir Bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah kawalan dilakukan dan berapakah bilangan rampasan dan denda terhadap bahan-bahan cetak lucah dan elektronik lucah yang telah dilakukan terhadap penerbit dan pekedai yang terlibat dan apakah tindakan yang diambil terhadap penjenayah sosial ini apabila didapati mengulangi kesalahannya.
58. PR-1122-L9609
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah penjual kereta nasional yang mengalami risiko gulung tikar.
59. PR-1122-L8651
Datuk Astaman Bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan statistik terkini keanggotaan sukarela Rejimen Askar Wataniah dan nyatakan peratusan peningkatan keanggotaan sukarela tersebut semenjak lima tahun yang lalu.
60. PR-1122-L9599
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membina sekolah-sekolah baru bagi SJKC di atas tapak rizab sekolah rendah dalam kawasan Parlimen Cheras dan senaraikan tapak rizab sekolah di kawasan sama yang dirancang untuk pembangunan dalam RMK-9 dengan menyatakan aliran masing-masing.
61. PR-1122-L9215
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kerajaan memberi jaminan kepada pelajar di bawah tajaan JPA mendapat pekerjaan di dalam sektor Kerajaan sebaik sahaja mereka tamat pengajian ; dan
 - (b) apakah kriteria yang melayakkan seseorang pelajar untuk mendapatkan tajaan daripada JPA serta berapakah jumlah pelajar yang mendapat tajaan ini setiap tahun.
62. PR-1122-L8616
Tuan Haji Ismail Bin Noh [Pasir Mas] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan merasa bertuah kerana tidak memberi bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan apakah Kerajaan merasa rugi sekiranya bantuan ini diberikan.

63. PR-1122-L8508
Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa orang penjenayah yang dikenal pasti sebagai gengster di Sarawak telah di tangkap dan apakah tindakan diambil terhadap mereka. Sila beri jumlah mengikut bahagian-bahagian di Negeri Sarawak; dan
 - (b) adakah mekanisme dan perundangan negara untuk tahanan bicara ke atas gengster ini dapat digunakan dan apakah masalah dan kekangan sekarang.
64. PR-1122-L8690
Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penderaan kanak-kanak di negara kita mengikut negeri dan kaum pada tahun 2005 hingga 2007 dan apakah tindakan Kementerian dalam menzahirkan keluarga bahagia.
65. PR-1122-L8829
Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Bin Tun Said [Kota Belud] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pilihan yang disediakan untuk memberi kemudahan pinjaman kepada orang ramai menerusi bank atau institusi kewangan, bagi mengelak orang ramai meminjam dengan Along. Ini kerana antara sebab yang dikatakan Ah Long berleluasa ialah disebabkan syarat pinjaman yang ketat di bank dan institusi kewangan.
66. PR-1122-L9661
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kejayaan Kerajaan untuk mempercepatkan pelebaran dan menaiktarafkan Lebuhraya Pasir Gudang yang menjadi jalan penghubung penting dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar yang belum disiapkan. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan kaedah tender terbuka untuk baki projek yang belum dibina.
67. PR-1122-L8895
Dato' Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah menjejaki dan pemulihan Aqidah pengikut Kerajaan Langit (Ayah Pin) yang telah dilaksanakan dan keberkesanannya.

68. PR-1122-L9583
Datuk Haji Md. Alwi Bin Haji Che Ahmad [Ketereh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan selaku Pengerusi Negara OIC, apakah tindakan yang telah diambil untuk membantu menghentikan pergaduhan dua (2) puak antara Hamas dan Al-Fatah yang berperang sehingga menyebabkan mereka menjadi punca bahan ketawa dunia dan memalukan umat Islam.
69. PR-1122-L8665
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan siasatan terhadap kes yang melibatkan kematian Lee Kean Yip dan nyatakan sama ada tangkapan dibuat dan jika ya, mengapakah masih belum dituduhkan di mahkamah.
70. PR-1122-L9617
Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menjaga keselamatan penumpang-penumpang dalam penerbangan domestik dan antarabangsa.
71. PR-1122-L9503
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kementerian telah menyokong keterangan United Nations Secretary - General Ban Ki- Moon pada April 2007 iaitu Parti yang telah ke konflik Sri Lanka harus kembali untuk perbincangan pendamaian tanpa menggunakan senjata.
72. PR-1122-L9358
Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status projek pembekalan dan menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Kampung Matang Pagar.
73. PR-1122-L9407
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keadaan kecacatan seperti kebocoran bangunan-bangunan awam di Putrajaya, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Parlimen dan lain-lain. Apakah objektif Kementeriannya serta sebab-musabab kecacatan tersebut berlaku.
74. PR-1122-L8810
Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dengan memperketat pengambilan anggota baru RELA pada masa akan datang bagi mengelakkan RELA diperlekeh atau dipersoalkan oleh orang ramai.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Keselamatan Dalam Negeri**

- * Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) 2007

2. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

- * Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007

3. **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**

- * Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007

4. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

- * Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 9/2007) | Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 1/2007) | Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 | “ |
| 3. | (D.R. 39/2006) | Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 | “ |

4. PR-1122-U8507

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa, sungai-sungai merupakan sumber bekalan air terpenting negara.

Dan mengambil maklum bahawa pencemaran sungai-sungai di negara ini semakin serius, malahan kempen Selamatkan Sungai Kita anjuran Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dianggap gagal, di mana terdapat sungai-sungai yang sudah dianggap mati.

Dan mengambil maklum bahawa, hakisan sungai menjadi sangat serius pada ketika ini kerana tiadanya sokongan aur-aur pepohon di tebing-tebing sungai, disebabkan pokok-pokok ditebang secara diskriminasi.

Dan mengambil maklum juga, bahawa tepi-tepi pantai juga tidak terkecuali daripada hakisan, yang sebahagian besar disebabkan oleh aktiviti manusia.

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda atau menggubal akta atau pun peraturan bagi memastikan semua pihak, mahu pun pihak berkuasa tempatan, pemaju atau orang perseorangan, yang memajukan kawasan berdekatan dengan tebing sungai dan tepi pantai, hendaklah mengekalkan tanah simpanan tebing sungai dan tepi pantai, selain daripada menanam pokok-pokok."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

5. PR-1122-U8510

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak kebelakangan ini, kita sering mendengar bahawa bekalan air mentah terawat berkurangan dan ada kalanya menjadi kritikal terutama sekali di musim kemarau yang panjang.

Dan mengambil maklum bahawa kebanyakan pengguna selalu membazir air terawat untuk menyiram bunga, mencuci kereta dan lain-lain lagi.

Dan juga mengambil maklum bahawa negara kita juga mempunyai taburan hujan yang tinggi dan agak kerap sepanjang tahun.

Dan juga mengambil maklum bahawa sejak kebelakangan ini, negara kita sering dilanda banjir kilat kerana sistem perparitan dan sungai-sungai tidak lagi dapat menampung jumlah air hujan yang besar.

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu akta atau peraturan yang memastikan semua pembangunan baru menyediakan tangki-tangki atas atau bawah tanah untuk tujuan menuai dan menyimpan air hujan, untuk tujuan-tujuan lain selain daripada untuk digunakan sebagai bekalan air untuk makan dan minum selain dapat mengelakkan banjir kilat."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

6. PR-1122-U8513

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa parit-parit terbuka sering menjadi tempat pembuangan sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Dan mengambil maklum bahawa sering kali parit-parit ini tersumbat dan Kerajaan dipersalahkan.

Dan mengambil maklum bahawa sampah-sampah ini akan hanyut ke muara sungai dan akhirnya ke laut dan kini telah menjadi masalah pencemaran yang serius.

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan meminda akta atau peraturan bahawa, semua sistem perparitan akan datang hendaklah dibina di bawah tanah (sistem perparitan bawah tanah) dan dipasang siap dengan perangkap sampah bagi mengatasi masalah pencemaran laut dan seterusnya menjimatkan kos pengendalian parit-parit dan pemuliharaan laut."

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

7. PR-1122-U8951

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan dengan seriusnya agar pihak Kerajaan mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang kepada penceroboh-penceroboh di perairan lautan kita agar penangkapan ikan serta kedatangan pendatang tanpa izin dapat ditangani".

(Perdana Menteri)

8. PR-1122-U8952

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil kedudukannya yang serius dalam menjalankan tafsiran undang-undang dan peraturan keluarga syariah dengan undang-undang serta peraturan Adat Mahkamah Anak Negeri dalam percanggahan kerumitan menjalankan keputusan undang-undang tafsiran Anak Angkat serta tuntutan pembahagian harta pusaka dan pencarian ini mengakibatkan persaudaraan adik-beradik yang berbilang anutan agama masing-masing tidak dapat penentuan hak".

(Perdana Menteri)

9. PR-1122-U8953

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan dengan seriusnya untuk membincangkan agar demi untuk keunikan perpaduan Negara Malaysia yang rakyatnya berbilang kaum dan berbilang kepercayaan agama sebagai Bangsa Malaysia yang berdaulat dan menjunjung prinsip-prinsip Rukun Negara dapat meneruskan membincang dan mengukuhkan persefahaman kerohanian dengan lapisan pemimpin yang bersemangat keadilan dan kesetiaan sesama".

(Perdana Menteri)

10. PR-1122-U9121

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar pembelian saham untuk mengambil alih RHB tidak dijadikan sebagai satu 'precedent' bagi KWSP mengambil alih institusi lain kerana fungsi dan objektif KWSP adalah menjaga kepentingan rakyat yang menjadi pencarum KWSP serta mentadbir urus tabung KWSP dengan berhemah."

(Menteri Kewangan)

11. PR-1122-U9124

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menggesa pihak institusi pentadbiran Kerajaan mewujudkan kelas pendidikan khas, kemudahan dan infrastruktur mesra OKU di semua sekolah supaya kanak-kanak istimewa atau khas tempatan dapat menerima pendidikan di sekolah yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka."

(Menteri Pelajaran)

12. PR-1122-U9288

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang. "

(Perdana Menteri)

13. PR-1122-U9289

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

14. PR-1122-U9291

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan Kempen Kitar Semula dan Kempen Pengurangan Penggunaan Plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

15. PR-1122-U9292

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama. "

(Perdana Menteri)

16. PR-1122-U9293

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

(Menteri Keselamatan Dalam Negeri)

17. PR-1122-U9467

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberi kuasa kepada Jawatankuasa Dewan untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat supaya Jawatankuasa ini boleh menyiasat permasalahan kebocoran teruk Bangunan Parlimen setelah membelanjakan RM90 juta bagi tujuan pengubahsuaian baru-baru ini. Majlis hendaklah memperbahaskan tanggungjawab Jawatankuasa ini untuk mengendalikan segala perkara berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan yang terdapat bagi Ahli-ahli Majlis. "

(Perdana Menteri)

18. PR-1122-U9470

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mendebatkan isu kecacatan seperti kebocoran bangunan-bangunan awam misalnya di Putrajaya dan Kompleks Mahkamah di Kuala Lumpur walaupun pembinaannya baru disiapkan. Bahawa Majlis hendaklah memperbincangkan objektif Kementerian Kerja Raya dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam termasuk bangunan-bangunan."

(Menteri Kerja Raya)

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.107	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Kelapa Sawit (MPOB) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	18 Jun 2007
ST.120	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	18 Jun 2007
CMD.7	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia Bagi Tahun 2005	18 Jun 2007

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 18.6.2007 (Isnin)	1. YB. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Hj. Omar (Larut)	1. Sejauhmana keberkesanan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di negara ini.	1. YB. Menteri Kesihatan
2. 18.6.2007 (Isnin)	2. YB. Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran)	2. Kerajaan harus selesaikan masalah setinggaan di Sabah.	2. YB. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan